



SWM ENVIRONMENT

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT MENGIBARKAN JALUR GEMILANG SEMPENA BULAN KEBANGSAAN

SEREMBAN, 18 OGOS 2020 – SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan pada tahun ini dengan pemasangan Jalur Gemilang di premis dan jentera pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam miliknya.

Walaupun negara kini dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) akibat wabak COVID-19, sambutan bulan kebangsaan masih diteruskan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan di ketiga-tiga buah negeri seliaan SWM Environment iaitu di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

“Sejumlah 2,098 Jalur Gemilang dipasang di kenderaan SWM Environment dan sub-kontraktor bagi ketiga-tiga buah negeri, iaitu Negeri Sembilan (436), Melaka (410) dan Johor (1,252),” kata Pengurus Besar Korporat SWM Environment Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin.

Tambah beliau lagi, pemasangan bendera di kenderaan operasi SWM Environment dilakukan bagi menyemarakkan lagi semangat patriotisma di kalangan warga kerja dan rasa bangga syarikat terhadap negara Malaysia dalam mengharungi pelbagai cabaran terutamanya terhadap krisis menangani pandemik COVID-19 ini.

Bagi menambahkan kemeriahannya menyambut bulan kebangsaan tahun ini, warga kerja SWM Environment turut berkumpul bersama-sama membaca ikrar Rukun Negara dan menghayati setiap baris Rukun Negara tersebut agar dapat kekal terus bekerjasama melaksanakan tugas dalam suasana yang harmoni dan hormat-menghormati sesama insan.

Turut diadakan formasi nama syarikat SWM Environment oleh warga kerja sebagai tanda simbolik sokongan menjunjung nama dan imej syarikat dengan komitmen bekerja bersungguh-sungguh demi menjaga kebersihan alam sekitar.

Diharapkan kemeriahannya sambutan bulan kebangsaan pada tahun ini yang seiring dengan bulan sambutan Hari Rukun Negara dapat menanam sifat patriotik, hormat-menghormati dan keharmonian setiap rakyat yang berbilang kaum.



SWM ENVIRONMENT

Orang awam yang mempunyai aduan atau pertanyaan diminta menghubungi SWM Environment menerusi aplikasi **WhatsApp di 012-618 0082**, Talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472**, ataupun e-mel: swmresponz@swmsb.com.

TAMAT.

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

SWM Environment mempunyai tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara aktif memberi sokongan padu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula bergenjuran, KITAR3CYCLE di tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAR3CYCLE menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk 25 jenis barang kitar semula termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian atau jaringan dompet elektronik (*e-wallet*) Boost untuk berbelanja dengan pedagang yang tersedia di bawah sistem elektronik pembayaran (*e-payment*). Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAR3CYCLE dari *Google Play* atau *Apple Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan
SWM Environment Sdn. Bhd.

(Tel) 06-6014280/ 012-684 7168

(Emel) nurulliza.najib@swmsb.com